

23/09/2002

Kontraktor Bumiputera tidak kurang rangsangan

SEBELUM ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak langsung berlembut dalam menegur kecenderungan kontraktor `besar' Melayu menjual kontrak untuk meraih keuntungan cepat. Disifatkan Perdana Menteri sebagai golongan yang berniaga `atas angin', amaran keras dibuat bahawa kerajaan tidak akan memberi kontrak baru kepada syarikat atau kontraktor yang didapati menyerah atau menjual kontrak mereka kepada pihak lain. Apatah lagi, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh saja, sejumlah 728 daripada keseluruhan 6,230 projek pembangunan kerajaan, lewat disiapkan. Seharusnya tidak ada peluang kedua diberikan kepada kontraktor Bumiputera yang gagal menunjukkan kesungguhan melaksanakan projek kerajaan kerana mereka hanya mengutamakan diri sendiri tanpa memikirkan kepentingan pihak ketiga.

Dalam pada itu, kerajaan tidak semata-mata bersifat menghukum, dengan kesedaran sebahagian kontraktor Bumiputera mempunyai budaya kerja cemerlang. Peningkatan nilai kerja kontrak sebagaimana diumumkan dalam pembentangan Bajet 2003, Jumaat lalu - kelas A (RM15 juta ke atas), kelas B (RM5 juta hingga RM15 juta), kelas C (RM2 juta hingga RM5 juta), kelas D (RM500,000 hingga RM2 juta), kelas E (RM200,000 hingga RM500,000) dan kelas F (RM200,000 ke bawah) - adalah habuan buat mereka. Pada masa ini, Malaysia mempunyai 44,000 kontraktor, termasuk 21,000 kontraktor kelas F, tetapi tidak semua yang akan mendapat bahagian, terutama kontraktor yang memiliki rekod buruk serta disenaraihitamkan, wajar disisihkan sebagai pengajaran.

Kontraktor Bumiputera perlu mengatasi segera masalah dan kelemahan yang dihadapi dan tidak hanya pandai memberi pelbagai alasan hingga menjejaskan kelancaran projek kerajaan yang diamanahkan. Sudah terlalu banyak bantuan yang kerajaan hulurkan, termasuk ketika kegawatan ekonomi, tetapi selebihnya bergantung kepada kesungguhan kontraktor sendiri. Dalam banyak keadaan, kegagalan mereka lebih disebabkan kelemahan sendiri daripada kesilapan atau halangan pihak lain. Sesetengahnya pula terlalu tamak hingga mahu membolot jumlah projek yang mengatasi kemampuan mereka untuk melaksanakannya. Kerajaan tidak harus dipersalahkan jika lebih banyak kontrak diberi kepada kontraktor berjaya atau yang mempunyai rekod cemerlang berbanding `kontraktor atas angin' yang hanya memungkinkan projek terlengah atau terbengkalai.

Soal ketidakupayaan tidak boleh diketepikan sama sekali. Sesetengahnya hanya memiliki lesen tetapi tidak pun berpengalaman atau memiliki rekod cemerlang dalam menyiapkan sesuatu projek. Dengan hanya bermodalkan sebut harga munasabah untuk mendapatkan projek, bukan menghairankan jika kontraktor seperti ini memilih jalan pintas untuk membuat keuntungan cepat dengan menjual projek berkenaan kepada orang lain. Pihak yang mengambil alih pula mungkin melakukan yang sama. Kesudahannya, kekerapan projek bertukar tangan menyebabkan margin keuntungan terlalu kecil atau langsung tidak menguntungkan. Daripada menanggung kerugian, akhirnya projek dibiarkan tergendala.

Apa juga sebabnya, ia tidak dapat menghindarkan kontraktor Bumiputera daripada mendapat imej buruk. Ia tentulah sesuatu yang tidak adil kerana tidak dinafikan ramai kontraktor Bumiputera yang dapat melaksanakan projek dengan baik. Namun, disebabkan beberapa projek yang terlengah seperti ini angkara sebilangan yang tidak bertanggungjawab, kemampuan kontraktor Bumiputera keseluruhannya mengundang pelbagai prasangka. Seharusnya Bajet 2003 memberi rangsangan tambahan buat kontraktor Bumiputera meningkatkan

daya keusahawanan dan keupayaan teknikal supaya kelayakan yang lebih tinggi ini dapat dimanfaatkan. Bukan sedikit dana yang disediakan kerajaan untuk pelbagai projek pembangunan, termasuk RM963 juta akan dibelanjakan bagi projek infrastruktur di luar bandar dalam tahun ini. Dengan peluang terbuka luas, kontraktor Bumiputera tidak boleh menyalahkan sesiapa lagi sekiranya sekadar menjadi pemerhati.